

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR]

TARIKH JAWAPAN : 23 NOVEMBER 2016 (RABU)

SOALAN

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sejauh manakah tahap kajian dan kesesuaian penggunaan tenaga solar dalam sektor domestik seperti perumahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan teknologi tenaga solar kepada masyarakat dengan meluas.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Dalam merangka Dasar dan Pelan Tindakan Negara Mengenai Tenaga Boleh Baharu 2009 atau *National Renewable Energy and Action Plan* 2009, dengan izin, Kerajaan telah melaksanakan kajian untuk mengenal pasti sumber tenaga yang berpotensi bagi menjana elektrik untuk pelbagai kategori penggunaan termasuk kategori domestik. Hasil kajian menunjukkan bahawa tenaga solar merupakan sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) yang paling berpotensi untuk menjana elektrik bagi rumah-rumah kediaman. Ini jelas dapat dilihat melalui peratus projek-projek solar yang dilaksanakan di bawah mekanisme *Feed-In Tariff* (FiT) bagi kategori domestik sebanyak 91% berbanding sumber TBB yg lain.
2. Untuk menggalakkan penggunaan tenaga solar yang lebih meluas di kalangan masyarakat, Kerajaan telah memperkenalkan program *Net-Energy Metering* (NEM) yang membolehkan pengguna elektrik mendapat rebat daripada lebihan tenaga elektrik yang dijana melalui pemasangan

panel-panel solar untuk kegunaan sendiri (*self-consumption*) di bumbung bangunan-bangunan kediaman, komersial dan industri.

3. Kerajaan juga telah melaksanakan kajian terhadap pembangunan loji solar PV berskala besar atau *Large Scale Solar* (LSS) dengan izin, iaitu "Potential for Solar Power in Malaysia" dengan kerjasama *Clinton Climate Initiative* pada 2013.

4. Kerajaan turut memperkenalkan program *Large Scale Solar* (LSS) di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) untuk meningkatkan penjanaan elektrik daripada tenaga solar di samping membuka peluang kepada syarikat-syarikat untuk membangunkan projek-projek solar berskala besar. Program ini mensasarkan pembangunan projek-projek solar dengan kapasiti antara 1MW sehingga 50MW untuk mencapai sasaran penjanaan solar daripada program ini sebanyak 1,000MW pada tahun 2020. Selain itu, kapasiti sebanyak 250MW juga akan ditambahkan melalui projek LSS *fast-track* yang sedang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih
